

Trump, Brexit: Demokrasi perlu ada kualiti, kata TPM Singapura
Free Malaysia Today
Nov 13, 2016

Tharman Shanmugaratnam berkata populisme bangkit apabila pemimpin tidak lagi mampu mengekalkan kepercayaan rakyat

PETALING JAYA: Kesan buruk populisme boleh diatasi dengan penambahbaikan kualiti demokrasi secara berterusan, kata Timbalan Perdana Menteri Singapura Tharman Shanmugaratnam.

Beliau menolak hujah kononnya demokrasi sistem yang tidak elok kerana penyertaan rakyat terbanyak memungkinkan populisme, lalu membawa kepada pemilihan orang seperti Donald Trump dan isu Brexit.

Tharman akui kualiti demokrasi, termasuk di negara-negara Barat, boleh “tersurut”, dan penyelenggaraannya “meletihkan”, lantas mengakibatkan nilai-nilai sesebuah negara terurai apabila rakyat mendapati kehidupan mereka tidak bertambah baik.

“Kita perlu tumpu kepada kualiti – kualiti perbincangan, kualiti proses pilihan raya, kualiti kebertanggungjawaban di pihak kerajaan yang dipilih.

“Soalnya mampukah kamu (pemimpin) mengekalkan kepercayaan rakyat pada institusi dan kepimpinan yang mentadbir masyarakat?

“Mampukah kamu menyatukan rakyat dan dalam masa yang sama menghormati perbezaan – sekurang-kurangnya tidak memecah-belahkan rakyat?

“Mampukah kamu memastikan kerajaan merakyatkan kemakmuran, dan tidak diperangkap oleh kepentingan-kepentingan peribadi?”

Beliau berkata demikian dalam satu wawancara bersama Financial Times, yang disiarkan akhbar Singapura, Strait Times hari ini.

Tegasnya kualiti demokrasi sentiasa memerlukan penambahbaikan, dan tidak ada sistem lain yang lebih rakyat selain demokrasi.

“Kita perlu sentiasa bergerak ke arah yang betul,” katanya.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/11/13/trump-brexit-demokrasi-perlu-ada-kualiti-kata-tpm-singapura/>